

Najib dakwa Fitch Ratings yakin hutang 1MDB tidak berisiko
The Malaysian Insider
July 6, 2015

Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak berkata agensi penarafan kredit Fitch Ratings yakin hutang 1Malaysia Development Berhad (1MDB) tidak akan membawa risiko menyeluruh kepada sistem kewangan negara.

Menurutnya, keyakinan itu menyebabkan firma itu menarafkan pengurusan ekonomi Malaysia daripada negatif kepada stabil, baru-baru ini.

"Itu yang dimaklumkan Fitch Ratings kepada saya sehingga badan antarabangsa itu meletakkan pengurusan ekonomi Malaysia dari negatif kepada stabil," katanya seperti dilaporkan Utusan Malaysia, hari ini.

Beliau berkata demikian sewaktu berucap pada acara penyampaian bantuan kepada golongan asnaf di Semenyih semalam.

Kenyataan ini dibuat sewaktu firma sarat hutang itu bergelut melunaskan hutangnya sebanyak RM42 bilion dan terkini, didakwa menyalurkan sejumlah RM2.6 bilion ke akaun peribadi Najib. – 6 Julai, 2015.

Copyright © 2015 Edge Insider Sdn Bhd

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/najib-dakwa-fitch-ratings-yakin-hutang-1mdb-tidak-berisiko>